



Ruj. Kami : KKM.100-1/8/34(14)  
Tarikh : 25 April 2019

Semua Jabatan Kesihatan Negeri  
(Seperti senarai edaran)

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (EKLWBB)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Tuntutan Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan Dan Pegawai Perubatan Pakar Di Kementerian Kesihatan Malaysia (EKLWBB).
- Garis Panduan ini dikeluarkan untuk penambahbaikan bagi memperkemas dan menyelaraskan dokumentasi berkaitan Tuntutan Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan Dan Pegawai Perubatan Pakar Di Kementerian Kesihatan Malaysia (EKLWBB). Garis Panduan dan borang tuntutan boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Akaun, [account.moh.gov.my](http://account.moh.gov.my).
- Tarikh kuatkuasa Garis Panduan ini adalah mulai 1 Mei 2019. Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, **Surat Edaran Bilangan 5 Tahun 2014** bertarikh **11 Mac 2014** adalah **dibatalkan**.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

TPKN (KA)	<input type="checkbox"/>	TPKN (BKBM)	<input type="checkbox"/>
TPKN (P)	<input checked="" type="checkbox"/>	KPJN	<input type="checkbox"/>
TPKN (G)	<input type="checkbox"/>	KPPPN	<input type="checkbox"/>
TPKN (F)	<input type="checkbox"/>	KEJURUTERAAN	<input type="checkbox"/>
TPKN (T)	<input checked="" type="checkbox"/>	PA PKN	<input type="checkbox"/>
ARAHAN	<input type="checkbox"/>	SILA WAKIL/HADIR	<input type="checkbox"/>
TINDAKAN	<input type="checkbox"/>	SEDIAKAN LAPORAN	<input type="checkbox"/>
MAKLUMAN/FAIL	<input type="checkbox"/>	SEDIAKAN FAIL	<input type="checkbox"/>
SILA BINCANG	<input type="checkbox"/>	.....	
EDARAN	<input type="checkbox"/>		
NOTA			

- s.k :
- SUB Bahagian Kewangan
  - SUB Bahagian Sumber Manusia
  - Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
  - Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
  - Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
  - Per.arah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan, JANM

Akauntah Kanan  
- Edaran kpd Bhg dan  
PTJ.  
28/5'

SENARAI EDARAN

1. Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi  
Kampung Guar Syed Alwi  
01000 Kangar  
Perlis

2. Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah  
05400 Alor Setar  
Kedah

3. Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 3 & 7, Bangunan MARA  
No. 33 Jalan Pangkalan Weld  
10300 George Town  
Pulau Pinang

4. Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Koo Chong Kong  
30000 Ipoh  
Perak

5. Pengarah



Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur  
Jalan Cenderasari  
50590 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

6. Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9  
40100 Shah Alam  
Selangor



**SURAT EDARAN BAHAGIAN AKAUN  
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

**GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN ELAUN  
KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA BAGI  
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI  
PERUBATAN PAKAR  
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(EKLWBB)**

## SURAT EDARAN BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 2 TAHUN 2019

### GARIS PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (EKLWBB)

---

#### 1. TUJUAN

Kertas ini disediakan bertujuan untuk menyelaraskan semula dokumentasi berkaitan Tuntutan Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) bagi Pegawai Perubatan Dan Pegawai Perubatan Pakar Di Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 EKLWBB merupakan elaun yang dibenarkan bagi Pegawai Perubatan seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bil. JPA (S) 215/8/2/2-4/(20) bertarikh 28 Oktober 1994, JPA (S) 215/8/2-4/Klt.2(35) bertarikh 20 April 1996 dan JPA (S) 215/8/2-4/Klt2(39) bertarikh 25 Julai 1997.
- 2.2 Selaras dengan pemantapan tatacara tugas atas panggilan (*on-call*) yang telah pun dilaksanakan, penambahbaikan ke atas garis panduan tuntutan bayaran EKLWBB perlu diteliti semula bagi memastikan proses tuntutan dan pembayaran dapat dibuat dengan teratur mengikut peraturan yang berkuatkuasa.
- 2.3 Ini juga berdasarkan saranan dan syor daripada Unit Integriti, KKM di dalam Laporan Pengesanan dan Pengesahan bagi aduan yang diterima terhadap tuntutan palsu berhubung tuntutan bayaran EKLWBB Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di KKM bertarikh 22 Mac 2019. Laporan tersebut mengesahkan bahawa berlakunya tuntutan palsu dan memberikan cadangan penambahbaikan hendaklah dilakukan ke atas Garis Panduan ini bagi mengelakkan tuntutan palsu ini berulang pada masa akan datang.

### 3. PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUATKUASA

- 3.1 Pekeliling Perkhidmatan KKM Bil. 2/1998: Bil(94) melalui No Rujukan KKM 61 (1396) Bhg.3 bertarikh 24 Disember 1998;
- 3.2 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/2010: Garis Panduan Bertugas Atas Panggilan Untuk Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 12 Mac 2010;
- 3.3 Surat Bahagian Sumber Manusia, Semakan Kadar Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di Kementerian Kesihatan Malaysia melalui No Rujukan (28) KKM-61 (2959) Jld. 3 bertarikh 24 Februari 2012;
- 3.4 Surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pemantapan Tatacara, Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Perubatan Pakar Dalam Melaksanakan Tugas Atas Panggilan (*On-Call*) di Hospital KKM melalui No Rujukan KKM/87/P2-1/18 Jld.16(7) bertarikh 15 Jun 2012;
- 3.5 Surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pemantapan Tatacara Tugas Atas Panggilan (*On-Call*) bagi Pegawai Perubatan, Program Perubatan di Hospital dan Institusi Perubatan KKM melalui No Rujukan Bil. KKM/87/P2-1/18 Jld.25(65) bertarikh 28 Ogos 2015; dan
- 3.6 Surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pemantapan Tatacara Tugas Atas Panggilan (*On-Call*) Pegawai Perubatan Pakar Di Hospital Dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui No Rujukan KKM.600-20/2/1(23) bertarikh 15 September 2016.

### 4. TAKRIFAN

#### 4.1 *On-call*

Jadual bertugas secara giliran dengan kekerapan yang munasabah bagi Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar atas Panggilan Aktif (*Active Call*) atau Panggilan Pasif (*Passive Call*).

#### 4.2 **Jadual *Oncall-supplementary***

Jadual bertugas *oncall-supplementary* mungkin perlu dikeluarkan jika terdapat kes di mana Pegawai Perubatan Pakar yang tidak *on-call* pada hari tersebut telah dipanggil secara mengejut atau secara *ad-hoc* (aktif atau pasif).

#### 4.2 **Panggilan Aktif (*Active Call*)**

Bertugas di hospital di luar waktu bekerja biasa melebihi **15 jam** secara berterusan pada hari bekerja, hari cuti mingguan atau hari cuti am.

#### 4.4 **Panggilan Pasif (*Passive Call*)**

Bersedia dalam lingkungan 33 kilometer atau 30 minit dari tempat bertugas dan akan dipanggil ke tempat bertugas sekiranya perlu.

### 5. SYARAT-SYARAT TUNTUTAN BAYARAN EKLWBB

- 5.1 Pegawai yang layak menuntut adalah Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan tugas di luar waktu bekerja biasa mengikut klasifikasi dan kadar berikut :

Bil.	Jenis Tugas Atas Panggilan	Kadar (RM/Semalaman)	
		Pegawai Perubatan Pakar	Pegawai Perubatan
5.1.1	<b>Panggilan Aktif (<i>Active Call</i>)</b>  Bertugas di luar waktu bekerja biasa <b>melebihi 15 jam</b> secara berterusan pada :  a) Hari Bekerja b) Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	230.00 250.00	200.00 220.00

Bil.	Jenis Tugas Atas Panggilan	Kadar (RM/Semalaman)	
		Pegawai Perubatan Pakar	Pegawai Perubatan
5.1.2	<b>Panggilan Pasif (<i>Passive Call</i>)</b> Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas <b>melebihi 4 jam</b> pada : a) Hari Bekerja b) Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	  150.00 160.00	  130.00 140.00
5.1.3	<b>Panggilan Pasif (<i>Passive Call</i>)</b> Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas <b>kurang 4 jam</b> atau tidak dipanggil bertugas pada : a) Hari Bekerja b) Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	  100.00 105.00	  80.00 85.00

5.2 Tuntutan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat daripada 10 haribulan** dalam bulan yang berikutnya **dan hanya satu tuntutan** boleh dibuat bagi satu-satu bulan.

## 6. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

- 6.1 Borang Tuntutan - BA.KKM/EKLWBB/Pindaan 002 yang lengkap dan telah ditandatangani oleh pemohon dan Ketua Jabatan;
- 6.2 Jadual Tugas Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa/*Active Call/ Passive Call* yang telah disahkan;
- 6.3 Salinan Kad Perakam Waktu/ Laporan Kehadiran Elektronik yang lengkap dengan maklumat mula dan akhir bertugas yang telah disahkan;
- 6.4 Butiran Tugas bagi Tuntutan *Passive Call* melebihi 4 jam; dan

- 6.5 Salinan Kad Pengenalan dan Penyata Akaun Bank yang disahkan bagi pegawai yang baru pertama kali membuat tuntutan.

## 7. TATACARA PROSES PEMBAYARAN TUNTUTAN

Unit Kewangan di PTJ perlu :

- 7.1 Menyemak dan memastikan dokumen yang diterima daripada pegawai terlibat adalah lengkap dan memenuhi keperluan di Para 5 dan 6. Jika tidak lengkap, borang tuntutan perlu dikuiiri dan dipulangkan kepada pegawai untuk dilengkapi.
- 7.2 Menyemak dan memastikan pegawai tidak menuntut kedua-dua Bayaran Insentif Pembedahan Elektif Hari Sabtu dan Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa bagi tarikh bertugas yang sama di Para 3.2.
- 7.3 Memastikan baucar bayaran disediakan menggunakan Modul Invois Tanpa PT di dalam sistem iGFMAS.
- 7.4 Memastikan Salinan Kad Perakam Waktu/ Laporan Kehadiran Elektronik digunakan sebagai pengesahan menuntut EKLWBB. **Pegawai diwajibkan mengetik kad perakam waktu/ merekod kehadiran secara elektronik waktu mula dan akhir bertugas untuk membolehkan bayaran diproses.**

## 8. BORANG TUNTUTAN

Format borang tuntutan adalah seperti di **Borang BA.KKM/EKLWBB/Pindaan 002.**

## 9. TARIKH KUATKUASA

- 9.1 Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, **Surat Edaran Bilangan 5 Tahun 2014 bertarih 11 Mac 2014 berkenaan Garis Panduan Tuntutan Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan Dan Pegawai Perubatan Pakar Di Kementerian Kesihatan Malaysia (EKLWBB) dan Pindaan bertarih 18 April 2014 adalah dibatalkan.** Mohon kerjasama pihak Jabatan Kesihatan Negeri

memanjangkannya kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing.

9.2 Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mei 2019.

## 10. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini, PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Setiausaha Bahagian Akaun  
Bahagian Akaun  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
(u/p: Seksyen Perundingan)  
e-Mel: acc\_spr@moh.gov.my  
Telefon: 03-8883 3267



BUTIRAN	BIL. HARI	PEGAWAI PERUBATAN	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR
		RM	RM
<p>1. <b>Panggilan Aktif (<i>Active Call</i>)</b></p> <p>Bertugas di luar waktu bekerja biasa <b>melebihi 15 jam</b> secara berterusan pada :</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		<p>x 200 =</p> <p>x 220 =</p>	<p>x 230 =</p> <p>x 250 =</p>
<p>2. <b>Panggilan Pasif (<i>Passive Call</i>)</b></p> <p>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam pada :</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		<p>x 130 =</p> <p>x 140 =</p>	<p>x 150 =</p> <p>x 160 =</p>
<p>3. <b>Panggilan Pasif (<i>Passive Call</i>)</b></p> <p>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada:</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		<p>x 80 =</p> <p>x 85 =</p>	<p>x 100 =</p> <p>x 105 =</p>
<b>JUMLAH TUNTUTAN</b>			

**Butiran Tugas Bagi Tuntutan "Passive Call" Melebihi 4 Jam**

Tarikh	Nama Pesakit	No. Pendaftaran Pesakit	Jangka Masa Bertugas	Diagnosa & Rawatan	Catatan

**BAHAGIAN C : PENGESAHAN PEGAWAI YANG MENUNTUT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa Tuntutan Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) seperti maklumat yang disediakan adalah betul dan telah dilaksanakan oleh saya. Tiada tuntutan Bayaran Insentif Kerja Selepas Waktu Pejabat (BIKSWP) dan Pembedahan Elektif (BIPEHS) telah dibuat pada tarikh yang sama dengan tuntutan EKLWBB ini.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan & Cop  
Pegawai

**BAHAGIAN D : PENGESAHAN KETUA JABATAN**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa pegawai telah menjalankan Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) seperti yang diarahkan. Tuntutan dan dokumen yang disertakan adalah betul.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan & Cop Ketua  
Jabatan

**BAHAGIAN E : SENARAI SEMAK**

1. Salinan kad perakam waktu yang disahkan/Laporan Kehadiran Elektronik yang lengkap dengan maklumat mula dan akhir bertugas yang telah disahkan\*
2. Salinan Jadual Tugas (Roster) EKLWBB yang disahkan
3. Salinan Jadual Tugas (Roster) BIKWSP & Pembedahan Elektif yang disahkan
4. Salinan Kad Pengenalan & Buku Bank yang disahkan (bagi tuntutan kali pertama)


*\*Nota : Pegawai yang membuat tuntutan mempunyai kewajipan untuk mengetik kad perakam waktu/ merekod kehadiran secara elektronik.*

**LEKON KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB)  
BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR  
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



